

## **TEKS UCAPAN**

**DATO' PROF. IR. DR. SAHOL  
HAMID ABU BAKAR FACs  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA**

**Sempena  
Majlis Sambutan Bulan  
Kemerdekaan ke-53**

**Pada  
13 Ogos 2010**

---

**Bismillahi rahmanirrahim.**

**Terima kasih Pengerusi  
Majlis.**

**Yang Berbahagia Timbalan-  
Timbalan Naib Canselor,  
Pendaftar, Dekan-Dekan,  
Pengarah-Pengarah, Tuan-  
tuan, Puan-puan, Para  
pelajar, serta seluruh warga  
UiTM yang dikasihi;**

Assalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh,  
salam sejahtera dan salam 1  
UiTM.

*UiTM sentiasa di hati ku...*

Alhamdulillah.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi  
kerana dengan limpah kurnia  
dan keizinan-Nya dapat kita  
bersama dalam Majlis  
Pelancaran Sambutan Bulan

Kemerdekaan ke-53, peringkat  
UiTM, pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin  
mengucapkan salam  
kemerdekaan dan setinggi-  
tinggi tahniah dan terima kasih  
kepada semua warga UiTM  
atas kesudian untuk hadir  
bersama-sama pada hari ini.

Terima kasih juga kepada  
Jabatan Komunikasi Korporat

kerana menganjurkan majlis yang simple tetapi amat bermakna ini sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke- 53 negara kita.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan kita dari pihak media yang sudi datang membuat liputan majlis murni ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-53 Malaysia pada tahun ini sangat bererti bagi saya sebagai pemimpin baru UiTM.

Pada saya kemerdekaan mempunyai makna dan sejarah tersendiri. Pengalaman dan kehidupan saya yang penuh berliku dari zaman

kanak-kanak, semasa zaman sebelum merdeka lagi, sehinggalah ke hari ini, telah mengajar saya banyak perkara.

Antaranya ialah, betapa saya amat menghargai nilai sebuah kebebasan dari belenggu kesusahan dan kemiskinan.

Kalau kita tidak merdeka 53 tahun yang lalu, belum tentu

kita dapat mengecapi nikmat sebagaimana yang kita rasai sekarang ini. Belum tentu akan wujudnya UiTM sebagaimana ia wujud pada hari ini.

Kerana UiTM, saya berada di sini, dan selagi saya berada di sini, saya berikrar menjadikan UiTM universiti yang berterusan mempertahankan jiwa anak-anak Melayu dan

bumiputera merdeka, daripada dirampas dan tergadai hak-hak mereka terhadap pendidikan.

Dalam darah saya ini, UiTM mengalir...

### **Saudara-saudari sekalian;**

Sememangnya kemerdekaan Malaysia adalah untuk semua bangsa. Rakyat perlu mendalami maksud kemerdekaan untuk semua.

Sejarah masa lampau merupakan cermin masa depan kita.

Kita banyak belajar daripada apa yang telah berlaku pada masa lampau. Bangsa yang tidak mengetahui sejarah masa lampainya tidak akan mampu membangunkan masa depannya. Kita perlu setia kepada negara kita.

Tidak akan bermakna kemerdekaan yang kita kecapikan ini, seandainya masih ada di kalangan kita yang tidak sepenuh jiwa dan raga, menanamkan rasa setia terhadap negara dan bangsa.

Sejarah telah membuktikan bahwa bangsa yang mengkhianati negaranya sendiri akan mudah dijajah,

ditakluki serta akhirnya mengalami kehancuran dan kebinasaan.

Sesungguhnya, kemerdekaan ini amat besar nilai dan ertinya. Kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan dan kejayaan, bukan sahaja kepada negara yang tercinta ini, tetapi juga kepada setiap daripada kita, warganegara

yang setia dan bernaung di bawahnya.

**Warga UiTM yang dimuliakan,**

Kemerdekaan yang dikecapi oleh kita semua memungkinan kita untuk terus hidup dengan aman dan makmur. Malaysia perlu mempunyai indeks kestabilan

yang menjamin kesamarataan sosioekonomi setiap bangsa. Negara akan stabil kerana nikmat kemakmuran dikongsi bersama.

Terima kasih kepada pemimpin-pemimpin terdahulu yang telah mewujudkan UiTM. Kerana wujudnya UiTM, sosioekonomi negara menjadi stabil dan seimbang.

UiTM, sebuah institusi pendidikan bumiputera yang wujud untuk mengimbangi sosioekonomi antara kaum, adalah satu institusi besar yang berjaya mengubah landskap ekonomi dan politik antara kaum di Malaysia.

UiTM adalah satu instrumen mengukur indeks kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

Tanpa UiTM, orang Melayu dan bumiputera akan terus tertinggal, dan tidak akan merasai nikmat kemerdekaan di bumi sendiri.

Untuk kekal seimbang, tidak boleh ada satu kaum yang mendominasi ekonomi sedangkan kaum lain tertinggal jauh. Tanpa kesimbangan, Malaysia tidak akan stabil dan



makmur sebagaimana yang dinikmati sekarang ini.

Justeru, kita wajar menghayati sejarah perjuangan kemerdekaan yang dikemudi oleh para pejuang kemerdekaan masa dahulu, supaya kita dapat menyumbang demi untuk mencapai kejayaan di masa hadapan.

Pemimpin-pemimpin terdahulu, seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Mahathir dan Tun Abdullah, banyak menabur jasa kepada kemakmuran, keharmonian dan kestabilan negara. Pelaburan asing di negara ini masih terus kukuh, tidak terjejas walaupun

diancam dengan pelbagai krisis politik dan ekonomi.

Setelah kerajaan Malaysia memerintah negara ini dengan jayanya, kita jangan sekali-kali memperjudikan nasib bangsa kita dengan permainan politik, samada dalaman atau luaran. Banyak pihak yang cemburu akan kejayaan dan pencapaian Malaysia. Mereka

mahu lihat negara kita mundur, rakyat kita berpecah belah, agama kita dipermainkan. Itu sifat mereka. Itu adalah hak mereka.

Namun, di pihak kita, terutamanya orang Melayu, kita perlu perkuatkan bentang perpaduan kita, agar kita tidak mudah goyah walau pun pelbagai ancaman yang

mendatang. Ingatlah pepatah Melayu ini: Bersatu kita Teguh, Bercerai kita Roboh.

### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Usia UiTM kita ini adalah setahun lebih tua daripada usia kemerdekaan negara. Setelah negara merdeka, pemimpin-pemimpin negara kita telah menyedari potensi universiti ini. Oleh sebab itu

nama dan status universiti ini pun berubah selari dengan perkembangan masa dan zaman.

Dalam kemerdekaannya kita menjadi universiti. Dalam kemerdekaan ini juga saya mahu saudara-saudari sekalian bersama-sama saya membawa universiti ini mencapai status yang lebih

tinggi lagi daripada yang ada sekarang.

Jumlah lulusan dari tahun 1958 hingga November 2009 adalah seramai 383,699 yang rata-rata mengungguli setiap bidang pekerjaan, menjadi peneraju sektor ekonomi utama negara. UiTM adalah **PENCETUS TRANSFORMASI BANGSA** sekali gus

**MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA.** Inilah hasil kemerdekaan yang dinikmati kita semua.

Tetapi kita mesti ingat, setinggi mana pun kita berada, tanggung jawab kita terhadap anak bangsa kita jangan sekali-kali kita abaikan. Insya-Allah.

Dengan pesanan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Sambutan Ulang Tahun Bulan Kemerdekaan Malaysia Ke-53 Peringkat UiTM.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarokatuh.